

04/03/1998

Baki bonus bulan depan

KUALA LUMPUR, Selasa - Baki bonus kepada kira-kira 800,000 kakitangan awam akan dibayar seperti dijanjikan kerajaan bulan depan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, Kabinet telah bersetuju bahawa ansuran kedua bonus itu akan dibayar seperti dipersetujui dalam Belanjawan 1998.

"Tidak ada penangguhan... Kabinet telah mempersetujuinya," kata Anwar yang juga Menteri Kewangan kepada pemberita selepas mempengerusikan sesi perbincangan pada Dialog Perkongsian Bestari Kebangsaan 1998 di sini petang ini.

Pagi ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan akan menjelaskan baki bonus kakitangan awam yang dijadualkan April ini selagi keadaan kewangan dan ekonomi negara mengizinkan.

Perdana Menteri berkata, beliau menyerahkan soal itu kepada Anwar untuk menentukannya.

"Selagi kita mampu, kita akan bayar. Tetapi kalau kita tak mampu macam mana kita nak bayar," katanya kepada pemberita selepas melawat Institut Teknologi Kreatif Limkokwing (LICT) di sini.

Dr Mahathir menjelaskan, bonus bukan bayaran yang ditangguh tetapi diberi apabila kerajaan mempunyai pendapatan mencukupi.

"Sesetengah orang anggap bonus sebagai satu hak. Ia bukan hak. Ia adalah sesuatu balasan kerana keadaan mengizinkan ataupun kerana sumbangan kita terhadap pendapatan, jadi baru kita ada bonus.

"Kalau bonus dianggap sebagai hak, itu menjadi bayaran yang ditangguh saja dan tidak menjadi suatu insentif," katanya.

Ketika membentangkan Belanjawan 1998 di Dewan Rakyat Oktober lalu, Anwar mengumumkan bayaran bonus sebulan gaji atau bayaran minimum RM700 kepada semua kakitangan awam kecuali pegawai tingkatan tertinggi C ke atas.

Pembayarannya dibuat dalam dua ansuran, yang pertama sebanyak RM500 dibayar pada Disember lalu, manakala bakinya dijadual dibayar pada bulan depan.

Bonus yang dijanjikan itu adalah kelima diberi kerajaan sebagai penghargaan kepada sumbangan kakitangan awam meliputi semua kumpulan termasuk polis dan tentera bagi menjamin keamanan dan kejayaan program pembangunan negara.

Kali pertama kerajaan membayar bonus ialah pada 1993 apabila 850,000 kakitangan awam mendapat setengah bulan gaji atau minimum RM400 diikuti sebulan gaji atau RM600 minimum pada 1994 dan 1995 manakala pada 1996, sebulan gaji atau minimum RM700 bagi kumpulan terendah.

(END)